

## Kanser Serviks

### Apa itu kanser serviks?

Kanser serviks adalah diantara kanser kerap terjadi terhadap wanita yang menyerang organ reproduksi. Ia terjadi apabila sel yang normal pada serviks (pangkal rahim) bertukar menjadi sel kanser.

### Sebab ia terjadi?

Ia disebabkan oleh virus human papilloma yang berjangkit melalui hubungan seks. Apabila wanita terdedah kepada HPV, sistem imun badan selalu dapat menangkis serangan virus ini dari menjangkiti wanita tetapi, bagi sebahagian kecil wanita, virus berpeluang hidup bertahun-tahun sehingga ia menukar sel yang terdapat pada permukaan serviks kepada sel kanser. Separuh dari kanser ini terjadi pada mereka yang berusia 35-55 tahun.

Dengan ujian saringan pap smear, kadar kematian kanser serviks berkurangan dengan banyaknya. Walau bagaimanapun ia masih merupakan pembunuh ke 2 terbanyak selepas kanser payudara.

### Siapa Wanita yang berisiko untuk mendapat kanser cerviks?

Fakta berikut boleh meninggikan risiko anda untuk kanser serviks

- Mempunyai pasangan berbilang
- Aktiviti Seks bermula sebelum usia 18
- Mengalami jangkitan kuman seperti syphilis, gonorrhoea, chlamydia atau HIV
- Kurang daya tahan imun
- Merokok

### 1 Apa yang doktor akan lakukan sekiranya saya mempunyai gejala di atas?

1. Ujian PapDoktor akan mengambil sedikit tisu pada permukaan serviks dan menghantar kemakmal . Ujian ini akan mengesan sebarang ketidaknormalan pada serviks seperti sel pra-barah. Digalakan untuk mengambil ujian ini setiap tahun untuk mengesan kanser peringkat awal. Pengesanan awal boleh menyelamatkan nyawa.
2. Ujian HPV ini boleh mengesan kuman HPV yang spesifik terhadap kanser serviks seperti strain 16 dan 18, iaitu menyebabkan utama kanser pangkal rahim.
3. Colposcopy Doktor akan menggunakan mikroskop yang khas untuk memeriksa pangkal rahim anda untuk sebarang ketidaknormalan. Sekiranya ada, sedikit biopsi akan diambil dan dihantar kemakmal. Kadang-kadang biopsi kon akan dibuat sekiranya didapati sel kanser sudah merebak lebih dalam.

Rawatan bergantung kepada keterukan kanser tersebut dan sejauh mana ia sudah merebak. Sekiranya diperingkat awal pembedahan buang rahim akan disarankan dan pembedahan yang lebih radikal akan dilakukan sekiranya kanser sudah merebak ke organ organ berdekatan. Rawatan sampingan lain termasuk radiasi dan kemoterapi.

### 1 Bagaimana untuk mencegahnya?

2 Anda boleh mengurangkan risiko untuk mendapat kanser pangkal rahim dengan mencegah jangkitan kuman HPV. HPV merebak melalui hubungan seks, jadi penggunaan kondom boleh mengurangkan risiko HPV.

3 Selain dari itu, anda juga boleh mengurangkan jangkitan HPV dengan:

1. Berhubungan seks dengan 1 pasangan sahaja
2. Elakkan hubungan seks pada usia muda
3. Tidak merokok
4. Mendapat imunisasi terhadap jangkitan HPV
5. Suntikan Vaksin

### Vaksin terhadap HPV

Sekarang sudah terdapat vaksin yang boleh mencegah kebanyakan dari strain HPV yang menjadi punca kepada kanser serviks. Gadis seawal usia 13 tahun adalah digalakan untuk mengambil vaksin ini. Ia boleh mencegah sehingga 70% dari jangkitan HPV dan walaupun ia lebih efektif sekiranya diberikan sebelum gadis

### Dimanakah saya boleh mendapatkan suntikan vaksin ini?

Vaksin boleh didapati dimana-mana klinik GP atau klinik pakar berdekatan



### Tanda dan gejala

Anda mungkin tidak mengalami sebarang tanda terutama pada peringkat awal. Apabila menjadi semakin serius, anda mungkin akan mengalami:

- Pendarahan semasa bersama
- Pendarahan ditengah bulan
- Pendarahan selepas menopause
- Keluar lendir berdarah dan berbau busuk dari faraj
- Sakit semasa seks